

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI)

TARIKH: 20 FEBRUARI 2018

MUKA SURAT: 09



WAN MOHD. NOR IBRAHIM (enam dari kiri) dan Kamarulzaman Maik Abdullah (lima dari kiri) bersama penerima Pingat Kebesaran Jabatan Bomba dan Penyelamat, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Sijil Khidmat Terpuji 2017 di Ayer Keroh, Melaka, semalam. - UTUSAN/AZLI AHAD

## 600 kes lemas setiap tahun satu angka besar

**MELAKA 19 Feb.** - Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) mendedahkan kira-kira 600 kes lemas dilaporkan secara purata setiap tahun di seluruh negara melibatkan kawasan laut, sungai, tasik mahupun bekas lombong.

Ketua Pengarah JBPM, Datuk Seri Wan Mohd. Nor Ibrahim berkata, beliau menganggap jumlah kes tersebut merupakan satu angka yang besar walaupun tidak dapat memberikan statistik secara terperinci.

"Berbanding dengan kes kebakaran, kejadian itu cuma dilaporkan lebih daripada 100 kes setahun, tetapi kes lemas ini melibatkan jumlah yang jauh lebih banyak.

"Pihak kami akan sentiasa memantau jumlah kes kebakaran tetapi bagi kes lemas kita memerlukan kerjasama semua pihak.

"Kes lemas memang agak rumit kerana melibatkan kawasan yang luas dan sebagai contoh, tragedi itu boleh berlaku di sepanjang sungai, menjadikan tugas memantau perkara itu daripada berlaku semakin sukar," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Majlis Penganugerahan Pingat Kebesaran Jabatan, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Sijil Perkhidmatan Terpuji 2017 JBPM negeri Melaka di Gold Coast International Resort di sini hari ini.

Baru-baru ini, berlakunya beberapa tragedi lemas di negeri-negeri berlainan sehingga melibatkan mangsa maut sempena musim cuti perayaan Tahun Baharu Cina.

Semalam, Ahli Majlis Keselamatan Aktiviti Air Negara (MKAA), Tan Sri Lee Lam Thye mencadangkan kepada kerajaan supaya menubuhkan Jabatan Keselamatan Aktiviti Air dalam usaha menangani kes-kes kematian akibat lemas.

Katanya, langkah sedemikian amat penting berikutan kes kematian akibat lemas kerap berlaku sejak kebelakangan ini dan dikhuatiri bakal menimbulkan kebingangan dalam kalangan masyarakat.

Sementara itu, Wan Mohd. Nor

memberitahu, pihaknya sentiasa memberi maklum balas terhadap panggilan menyelamatkan serta mencari mangsa yang lemas kerana itu sudah menjadi sebahagian daripada tugas mereka.

"Apa yang kita boleh buat adalah memasang tanda amaran yang boleh menarik perhatian orang ramai di kawasan berkenaan yang dianggap berbahaya supaya mereka mengelakkan daripada ke lokasi tersebut.

"Selain itu, kita boleh mengumpul maklumat dan statistik berhubung kematian berkaitan kes lemas dan menyampaikan nasihat melalui media cetak dan elektronik kepada orang ramai," katanya.